

25 JUNE 2000

OIC-Tiba

PERWAKILAN TERUS TIBA BAGI PERSIDANGAN ISLAM

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Lebih ramai Menteri Luar serta wakil-wakil negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mula tiba di ibu negara untuk menghadiri sesi ke 27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) yang bermula di sini pada Selasa.

Antara yang dijangka tiba hari ini ialah Menteri Luar Bangladesh, Abdus Samad Azad, ketua perwakilan Mauritania, Cheikh Ould Baha dan delegasi dari Qatar dan republik Kyrgyz.

Beberapa daripada perwakilan telahpun tiba di sini semalam bagi ICFM selama empat hari yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hotel Palace of Golden Horses di sini.

Mereka yang dijangka tiba esok termasuk Menteri Luar Iran Dr Kamal Kharrazi, Menteri Luar Pakistan Abdul Sattar, Menteri Luar Tunisia Habib Ben Yahia dan Setiausaha Hal Ehwal Politik bagi Libya Saad Mustafa Mujber.

Yang lain termasuk Menteri Luar Sierra Leone, Dr Sama S. Banya dan perwakilan Cameroon akan diketuai oleh seorang menteri, Adoum Gargoum.

Lebih kurang 1,000 perwakilan dari negara-negara OIC dijangka menghadiri persidangan itu yang Malaysia menjadi tuan rumah bagi kali kedua. Kuala Lumpur kali terakhir menjadi tuan rumah persidangan itu pada 1974.

OIC yang diasaskan pada 1969 terdiri daripada 56 negara anggota dan empat negara pemerhati termasuk Bosnia, Herzegovina dan Thailand.

Wakil-wakil daripada beberapa pertubuhan antarabangsa dan serantau termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Berkecuali (NAM), Liga Negara-negara Arab dan Pertubuhan Perpaduan Afrika di sini juga dijangka menghadiri persidangan itu.

Persidangan itu juga akan menyaksikan penyertaan agensi-agensi OIC, antara lain, Pusat Penyelidikan Sejarah, Seni dan Budaya Islam yang beribu pejabat di Istanbul, Institut Teknologi Islam (Bangladesh) dan Pusat Islam Bagi Pembangunan Perdagangan (Mahgribi).

Turut serta ialah wakil-wakil daripada yayasan dan pertubuhan-pertubuhan Islam seperti Liga Islam Dunia, Perhimpunan Dunia Pemuda Islam dan Liga Universiti-universiti Islam.

Antara negara dan pertubuhan yang dijemput ke mesyuarat itu ialah Croatia, Slovenia, Majlis Kerjasama Teluk Negara-negara Arab, Persuruhjaya Pelarian PBB, dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian PBB.

-- BERNAMA

SHO ES PR